



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PERSONALITY PROFILE AND CAREER INTEREST AMONG TRAINEES
OF MALAYSIAN TEACHER TRAINING INSTITUTE**

SITI AISHAH BINTI HAMID

FPP 2009 3



**PROFIL PERSONALITI
DAN MINAT KERJAYA PELATIH
INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA**

OLEH

SITI AISHAH HAJI HAMID

**MASTER SAINS
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

FEBRUARI 2009



**PROFIL PERSONALITI
DAN MINAT KERJAYA PELATIH
INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA**

OLEH

SITI AISHAH HAJI HAMID

**Tesis ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia sebagai Memenuhi Keperluan Untuk
Penganugerahan Ijazah Master Sains**

FEBRUARI 2009



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

**PROFIL PERSONALITI DAN MINAT KERJAYA PELATIH
INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA**

Oleh

SITI AISHAH BINTI HAMID

FEBRUARI 2009

Pengerusi : Profesor Madya Sidek Mohd Noah PhD

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Personaliti dan minat kerjaya sering berkait rapat antara satu sama lain. Kajian ini bertujuan untuk melihat personaliti dan minat kerjaya dalam kalangan pelatih Institut Pendidikan Guru Malaysia. Rekabentuk kajian ini ialah kajian *ex post facto* jenis korelasi bertujuan melihat hubungan antara personaliti dan minat kerjaya pelatih IPGM berdasarkan kepada Teori Pemilihan Kerjaya Holland (1973;1978;1985). Dua alat ukuran digunakan iaitu *Self-Directed Search* dan Inventori Personaliti Warna. Subjek kajian terdiri daripada 358 orang guru pelatih program pengajian ijazah (bidang pengkhususan yang berbeza) dua buah IPGM di negeri Kedah. Data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan dua kaedah statistik iaitu statistik deskriptif dan statistik inferensi. Analisis deskriptif melibatkan frekuensi, min dan peratusan sementara analisis statistik inferensi menggunakan ujian korelasi *Pearson*. Aras signifikan yang ditetapkan ialah pada aras .05.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pola personaliti pelatih IPGM didominasi oleh persekitaran minat kerjaya Sosial. Keputusan analisis menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti Hijau dan Jingga dan minat kerjaya dalam bidang Realistik dan hubungan yang signifikan antara personaliti Hijau, Emas dan Jingga dan minat kerjaya dalam bidang Investigatif. Hubungan yang signifikan juga didapati antara personaliti Jingga, Hijau dan Biru dan minat kerjaya Artistik dan hubungan signifikan antara personaliti Jingga, Emas dan Biru dengan minat kerjaya Sosial. Kajian juga menunjukkan hubungan yang signifikan antara personaliti Jingga, Emas, Hijau, dan Biru dengan minat kerjaya *Enterprising* serta hubungan signifikan antara personaliti Jingga, Emas dan Hijau dengan minat kerjaya *Conventional*. Sehubungan dengan keputusan kajian yang diperolehi, beberapa implikasi dan cadangan telah dikemukakan.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirements for the degree of Master of Science

**PERSONALITY PROFILE AND CAREER INTEREST AMONG
TRAINEES OF MALAYSIAN TEACHER TRAINING INSTITUTE**

By

SITI AISHAH BINTI HAMID

FEBRUARY 2009

Chairman : Associate Professor Sidek Mohd Noah PhD

Faculty : Educational Studies

Previous researches have shown that there is a relationship between one's personality and career interest. This study, framed by Holland's Theory of Career Choices(1973;1978;1985), identifies the relationship between the personality and career interest of trainee teachers undergoing the Bachelor Degree of Education in a teacher training institute in Kedah.

The research design in this study was correlational ex post facto. Two instruments were used in this study, that were Self-Directed Search and Colours Personality Inventory. The data collected were analysed by two statistical analysis that were descriptive statistics and inferential analysis. The descriptive analysis used were frequency, mean and percentage whereby the inferential analysis used was Pearson's Correlation. The level of significance chosen was .05.



The findings showed that there was a significant relationship between Green and Orange personality and vocational interest in Realistic and a significant relationship between Green, Gold and Orange personality and vocational interest in Investigative. There was also a significant relationship between Orange, Green and Blue personality with vocational interest in Artistic and there was a significant relationship between Orange, Blue and Gold personality and vocational interest in Social. The findings also showed there was a significant relationship between Orange, Gold, Green and Blue personality and vocational interest in Enterprising and a significant relationship between Orange, Gold and Green personality and vocational interest in Conventional. Based on the findings of this study, implications and suggestions were put forward.



7

PENGHARGAAN

Sejuta kesyukuran dirafa'kan kepada Allah swt kerana dengan izin-Nya dapat saya menyiapkan tesis ini dengan jayanya.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya ucapkan kepada kedua-dua penyelia Profesor Madya Dr Sidek Mohd Noah dan Dr Haji Jamaluddin Ahmad kerana membimbing dengan penuh kesabaran dan komitmen yang tinggi sehinggalah tesis ini dapat disiapkan. Penghargaan terima kasih atas komen-komen dan cadangan penambahbaikan daripada Prof Dr Sharifah Mohd Nor selaku Pengerusi Jawatankuasa Pemeriksa, Dr Zuria Mahmud pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia selaku pemeriksa luar, Dr Maznah Baba dan Prof Madya Dr Rusnani Abdul Kadir selaku Ahli Jawatankuasa Pemeriksa. Segala cadangan penambahbaikan membantu saya menyempurnakan tesis ini. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pensyarah dan rakan-rakan yang turut sama membantu memberikan tunjuk ajar, dorongan dan nasihat di sepanjang proses tesis ini dilakukan.

Tesis ini didedikasikan untuk ayahanda Haji Hamid bin Hassan dan bonda Habsah Haji Ismail serta ayahanda mertua Sulaiman Haji Md Yassin dan bonda Jamaliah binti Elham. Ucapan penghargaan terima kasih tidak terhingga kepada suami saya Mohd Najib Sulaiman yang menjadi tulang belakang saya atas sokongan yang tidak berbelah bahagi dan motivasi berterusan sehingga ke saat ini. Anak-anak yang memahami dan bertoleransi sepanjang masa. Nabil Syakir, Nabil Harith, Nabil Fikri, Nabilah Wafa' dan Nabil Zaki, ucapan terima kasih atas sokongan dan dorongan.

Seterusnya dedikasi untuk sahabat-sahabat seperjuangan, kaunselor-kaunselor di seluruh Malaysia dan semua responden yang terlibat dalam penyelidikan ini serta pihak pengurusan Bahagian Pendidikan Guru, IPGM Kampus Darul Aman dan Kampus Sultan Abdul Halim atas bantuan dan sokongan yang diberikan.

Semoga penulisan ini memberikan sesuatu yang bermakna kepada mereka yang memerlukan.

SITI AISHAH HAJI HAMID



Saya mengesahkan bahawa satu jawatankuasa Pemeriksa telah berjumpa pada **tarikh viva voce** untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi **Siti Aishah bt Hamid** untuk menilai tesis **Master Sains (Bimbingan dan Kaunseling)** beliau yang bertajuk “**Profil Personaliti Dan Minat Kerjaya Pelatih Institut Pendidikan Guru Malaysia**” mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa Pemeriksa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah berkenaan.

Ahli Pemeriksa Jawatankuasa adalah seperti berikut:

Nama Pengerusi, PhD

Pangkat (Profesor/Profesor Madya/Ir)-jika berkenaan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Nama Pemeriksa 1, PhD

Pangkat (Profesor/Profesor Madya/Ir)-jika berkenaan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Nama Pemeriksa 2, PhD

Pangkat (Profesor/Profesor Madya/Ir)-jika berkenaan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Nama Pemeriksa Luar, PhD

Pangkat (Profesor/Profesor Madya/Ir)-jika berkenaan
Nama Jabatan dan/atau Fakulti
Nama Organisasi (Universiti/Institusi)
Negara
(Pemeriksa Luar)

BUJANG BIN KIM HUAT, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 27 Ogos 2009



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah **Master Sains (Bimbingan dan Kaunseling)**. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Sidek Mohd Noah, PhD
Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Jamaluddin Ahmad, PhD
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

HASANAH MOHD. GHAZALI, PhD
Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 11 September 2009



PERAKUAN

Saya memperakui bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya. Saya juga memperakui bahawa tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain.

SITI AISHAH BT HAMID

Tarikh: 20 Ogos 2009

JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	vi
PENGESAHAN	vii
PERAKUAN	ix
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI SINGKATAN	xviii
BAB	
I	
Pengenalan Kajian	1
Pengenalan	1
Latar Belakang Kajian	1
Pendekatan Teori	6
Teori Minat Kerjaya Holland	6
Teori Personaliti Warna	19
Pernyataan Masalah	24
Persoalan Kajian	27
Objektif Kajian	29
Hipotesis Kajian	30
Definisi Pembolehubah Kajian	34
Personaliti	34
Minat kerjaya	35
Pelatih	36
Kepentingan Kajian	36
Ringkasan	38



II	KAJIAN-KAJIAN LEPAS	39
	Pengenalan	39
	Hubungan Personaliti dengan Minat Kerjaya	39
	Kajian-Kajian	39
	Ringkasan	53
III	METOD KAJIAN	55
	Pengenalan	55
	Rekabentuk Kajian	55
	Kerangka Konsep Kajian	57
	Alat Kajian	57
	Bahagian A : Biodata Responden	58
	Bahagian B : Inventori Personaliti Warna	58
	Bahagian C : Inventori <i>Self-Directed Search</i>	59
	Kesahan dan Kebolehpercayaan Alat Kajian	59
	Inventori Personaliti Warna	60
	Inventori <i>Self Directed-Search</i>	60
	Tempat Kajian	61
	Subjek Kajian	61
	Populasi Kajian	61
	Sampel kajian	63
	Prosedur Kajian	64
	Penganalisan Data Statistik	66
	Kaedah Pemarkatan	66
	Pengujian Hipotesis	68
	Ringkasan	72
IV	KEPUTUSAN KAJIAN	73
	Pengenalan	73
	Keputusan Kajian	73
	Aspek demografi responden	74



	Profil Personaliti Pelatih IPG	80
	Pengujian hipotesis kajian	111
	Rumusan	119
	Ringkasan	125
V	PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	126
	Pengenalan	126
	Perbincangan	126
	Hubungan personaliti warna dengan minat kerjaya Realistik	132
	Hubungan personaliti warna dengan minat kerjaya Investigatif	137
	Hubungan personaliti warna dengan minat kerjaya Artistik	139
	Hubungan personaliti warna dengan minat kerjaya Sosial	143
	Hubungan personaliti warna dengan minat kerjaya <i>Enterprising</i>	146
	Hubungan personaliti warna dengan minat kerjaya <i>Conventional</i>	148
	Implikasi Kajian	150
	Cadangan - cadangan	164
	Rumusan dan Penutup	170
	BIBLIOGRAFI	173
	LAMPIRAN	178
	BIODATA PELAJAR	193



SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1	Tahap ketekalan dan pola personaliti	15
2	Model Gaya Individu dan Persekitaran Pekerjaan Mengikut Holland	17
3	Deskripsi Persekitaran Akademik Holland	18
4	Pentafsiran Personaliti IPW	21
5	Minat kerjaya Holland dan bidang pengajian yang dikaji	62
6	Jenis personaliti warna dan item yang berkaitan	66
7	Jenis personaliti Holland dan item yang berkaitan	67
8	Pemilihan statistik berasaskan skala pengukuran r mengikut Tuckman	69
9	Taburan responden mengikut kumpulan bidang pengajian	75
10	Taburan responden mengikut jantina	76
11	Pembahagian responden mengikut bidang pengkhususan dan jantina.	77
12	Taburan responden mengikut bangsa	78
13	Kod persekitaran berdasarkan jumlah min bagi semua keseluruhan kumpulan SDS.	81
13a	Kod persekitaran berdasarkan jumlah min bagi bidang pengkhususan Pendidikan Jasmani.	82
13b	Kod persekitaran berdasarkan jumlah min bagi bidang pengkhususan Bahasa Inggeris.	83
13c	Kod persekitaran berdasarkan jumlah min bagi bidang pengkhususan Bahasa Cina.	84



13d	Kod persekitaran berdasarkan jumlah min bagi bidang pengkhususan Bahasa Melayu.	85
13e	Kod persekitaran berdasarkan jumlah min bagi bidang pengkhususan Bahasa Tamil.	86
13f	Kod persekitaran berdasarkan jumlah min bagi bidang pengkhususan Pendidikan Khas.	87
13g	Kod persekitaran berdasarkan jumlah min bagi bidang pengkhususan Kajian Sosial.	88
13h	Kod persekitaran berdasarkan jumlah min bagi bidang pengkhususan Bahasa Arab.	89
13i	Kod persekitaran berdasarkan jumlah min bagi bidang pengkhususan Seni Visual.	90
13j	Kod persekitaran berdasarkan jumlah min bagi bidang pengkhususan Ekonomi/Sejarah.	91
13k	Kod persekitaran berdasarkan jumlah min bagi bidang pengkhususan Pengajian Islam.	92
13l	Kod persekitaran berdasarkan jumlah min bagi bidang pengkhususan Pengajian Akaun.	93
13m	Kod persekitaran berdasarkan jumlah min bagi bidang pengkhususan Pengajian Sains.	94
13n	Ringkasan dapatan kajian mengenai penentuan pemilihan kerjaya pelatih mengikut bidang pengkhususan responden.	95
14	Kod personaliti warna berdasarkan jumlah min bagi semua keseluruhan kumpulan IPW.	96
14a	Kod personaliti warna berdasarkan jumlah min bagi bidang pengkhususan Pendidikan Jasmani.	97
14b	Kod personaliti warna berdasarkan jumlah min bagi bidang pengkhususan Bahasa Inggeris.	98
14c	Kod personaliti warna berdasarkan jumlah min bagi bidang pengkhususan Bahasa Cina.	99

14d	Kod personaliti warna berdasarkan jumlah min bagi bidang pengkhususan Bahasa Melayu.	100
14e	Kod personaliti warna berdasarkan jumlah min bagi bidang pengkhususan Bahasa Tamil.	101
14f	Kod personaliti warna berdasarkan jumlah min bagi bidang pengkhususan Pendidikan Khas.	102
14g	Kod personaliti warna berdasarkan jumlah min bagi bidang pengkhususan Kajian Sosial.	103
14h	Kod personaliti warna berdasarkan jumlah min bagi bidang pengkhususan Bahasa Arab.	104
14i	Kod personaliti warna berdasarkan jumlah min bagi bidang pengkhususan Pendidikan Seni Visual.	105
14j	Kod personaliti warna berdasarkan jumlah min bagi bidang pengkhususan Ekonomi/Sejarah.	106
14k	Kod personaliti warna berdasarkan jumlah min bagi bidang pengkhususan Pengajian Islam.	107
14l	Kod personaliti warna berdasarkan jumlah min bagi bidang pengkhususan Pengajian Akaun.	108
14m	Kod personaliti warna berdasarkan jumlah min bagi bidang pengkhususan Pengajian Sains.	109
14n	Ringkasan dapatan kajian mengenai penentuan personaliti warna pelatih mengikut bidang pengkhususan responden.	110
15	Hubungan antara personaliti warna dan minat kerjaya dalam bidang Realistik.	111
16	Hubungan antara personaliti warna dan minat kerjaya dalam bidang Investigatif.	113
17	Hubungan antara personaliti warna dan minat kerjaya dalam bidang Sosial.	114
18	Hubungan antara personaliti warna dan minat kerjaya dalam bidang Artistik.	115



19	Hubungan antara personaliti warna dan minat kerjaya dalam bidang <i>Enterprising</i> .	116
20	Hubungan antara personaliti warna dan minat kerjaya dalam bidang <i>Conventional</i> .	118
21	Keputusan Kajian Hubungan Signifikan mengikut Hipotesis.	119
22	Penambahbaikan Plan Tindakan Pemilihan Pelatih Guru.	163
23	Rumusan cadangan aplikasi inventori personaliti warna dan minat kerjaya untuk setiap peringkat pelajar.	168



SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1	Model Heksagon Holland: Konsep Keselarasan Personaliti-Persekitaran	13
2	Carta yang menunjukkan taburan responden mengikut kumpulan bidang pengajian(SDS)	75
3	Carta yang menunjukkan taburan responden mengikut jantina	76
4	Carta yang menunjukkan taburan responden mengikut bangsa atau keturunan	79

SENARAI SINGKATAN

BPG	Bahagian Pendidikan Guru
IPDA	Institut Perguruan Darulaman
IPG	Institusi Pendidikan Guru
IPGM	Institut Pendidikan Guru Malaysia
IPSAH	Institut Perguruan Sultan Abdul Halim
H_1	Hipotesis 1
H_2	Hipotesis 2
H_3	Hipotesis 3
H_4	Hipotesis 4
H_5	Hipotesis 5
H_6	Hipotesis 6
R	Realistik
I	Investigatif
A	Artistik
S	Sosial
E	<i>Enterprising</i>
C	<i>Conventional</i>
IPW	Inventori Personaliti Warna
IK	Indeks Keselarasan
MtesT	Malaysian Teacher's Selection Test
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
PISMP	Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan
SD	Standard Deviation
SDS	<i>Self-Directed Search</i>
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	Statistical Packages for the Sosial Science
TESL	Teaching English as a Second Language
<i>dk</i>	Darjah kebebasan
<i>n</i>	Bilangan sampel
<i>p</i>	Aras signifikan
<i>r</i>	pekali korelasi
r^2	pekali penentuan
<i>sp</i>	Sisihan piawai
<i>t</i>	perbezaan dua sampel tidak bersandar
T	Tidak
Y	Ya
<	Kurang daripada
>	Lebih daripada



BAB 1

PENGENALAN KAJIAN

Pengenalan

Bab ini akan membincangkan mengenai latar belakang kajian, pendekatan teori, pernyataan masalah, tujuan kajian, kepentingan kajian, skop kajian, definisi dan hipotesis-hipotesis kajian yang berkaitan hubungan antara personaliti dan minat kerjaya.

Latar Belakang Kajian

Penubuhan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) bertujuan untuk meningkatkan dan memantapkan latihan perguruan. IPG sebagai institut latihan yang khusus dalam bidang keguruan mempunyai budayanya yang tersendiri selaras dengan aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Guru iaitu melahirkan guru yang berpekerti mulia, berpandangan



progresif dan saintifik, bersedia menjunjung aspirasi negara serta menyanjung warisan kehidupan negara, menjamin perkembangan individu dan memelihara suatu masyarakat yang bersatu padu, demokratik, progresif dan disiplin. Selain daripada itu IPG sebagai sebuah institusi unggul yang melatih guru agar memiliki personaliti unggul (*towering personality*), pakar yang berkemampuan dengan kebolehan (*capable specialist with capable generalist*) (BPG, 2007) ke arah merealisasi dasar perolehan, saksama, mutu, berkesan dan pedagogi yang berhasil (*accessibility, equity, quality, effective and efficient pedagogy* seperti yang dimanifestasikan dalam Dasar Rancangan Jangka Panjang Kementerian Pendidikan Malaysia 2001-2010).

IPG juga diharapkan dapat membentuk dan melahirkan guru yang mengamalkan dimensi budaya ilmu, kepimpinan, kerja profesional, akhlak dan moral, penyayang, hidup sihat dan estetika. Keguruan ialah satu jawatan profesional sepertimana kerjaya-kerjaya lain dalam masyarakat seperti peguam, perubatan, akauntan, kaunselor, kejuruteraan dan perniagaan. Status profesional ini diberikan kepada sektor keguruan kerana ia adalah sesuatu pekerjaan yang khusus dan dilaksanakan oleh orang yang mempunyai kelulusan dan latihan ikhtisas yang cukup bermutu. Ikhtisas keguruan ialah latihan yang mendalam yang perlu diikuti oleh setiap guru jika dia ingin meningkatkan tahap profesionalismenya. Sebagai contoh kursus Diploma Perguruan Malaysia, Kursus Perguruan Lepas Ijazah dan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) yang sedang dijalankan di Institut Pendidikan Guru Malaysia. Profesion

keguruan juga dianggap sebagai satu jawatan profesional kerana ia adalah pekerjaan yang membawa bersama tanggungjawab, integriti dan akauntabiliti terhadap masyarakat. Justeru itu kajian yang lebih mendalam terhadap minat kerjaya dan personaliti guru perlu dijalankan untuk mencapai aspirasi negara kita. Sehubungan dengan itu kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti personaliti guru yang ada dalam kalangan pelatih IPG.

Personaliti adalah organisasi dinamik sistem-sistem psikologikal dalam diri individu yang menentukan ciri-ciri tingkah laku dan pemikirannya (Allport, 1971). Personaliti adalah merupakan satu pola trait-trait yang unik yang ada pada individu (Guilford dalam Levey, 1970:7). Setiap individu yang wujud di muka bumi ini mempunyai sifat, sikap, gaya dan personaliti yang tersendiri. Personaliti melambangkan ciri-ciri keperibadian seseorang individu itu yang berbeza daripada seorang manusia dengan manusia yang lain.

Mengikut Abdul Majid Mohd. Isa dan Rahil Mahyuddin (1987) personaliti berasal daripada perkataan Latin, *persona* iaitu topeng yang dipakai oleh pelakon pentas. Mereka menjelaskan bahawa personaliti ialah perkaitan antara pemikiran, perasaan dengan perlakuan manusia. Bagaimana manusia menggambarkan pemikiran, emosi dan perasaan mereka adalah perkara yang menjadi kajian ahli psikologi personaliti. Trait-trait personaliti lazimnya dapat dikenali melalui kecenderungan terhadap subjek-subjek sekolah, aktiviti-aktiviti rekreasi, hobi dan kerja serta minat vokasional adalah merupakan ekspresi personaliti (Brown &

Brooks, 1984). Jelas bahawa terdapat banyak definisi personaliti yang telah dikemukakan namun ianya tidak universal. Justeru itu kita hanya dapat mentakrifkan “personaliti” secara umumnya merupakan gabungan ke-bolehan mental, minat dan sikap serta pembolehubah-pembolehubah lain yang membentuk pemikiran, perasaan dan tingkah laku individu.

Mengikut Havighurst (1981 dalam Ahmad Jazimin, 2000), personaliti adalah tingkah laku yang dipelajari dan ianya berkembang melalui kematangan dan pembelajaran. Personaliti terbentuk hasil daripada pembelajaran melalui interaksi dengan persekitaran, terutama sekali interaksi dengan orang yang signifikan dengan diri individu tersebut.

Logvinenko (1999), dalam *Colour in Visual Science, Art and Personality Assessment* telah menghuraikan maksud tertentu dalam personaliti berkaitan dengan warna. Menurut beliau personaliti Hijau (Pemikiran) adalah dikatakan seorang yang tegas dan susah untuk menerima perubahan. Di samping itu mereka juga dianggap sebagai seorang yang *persistent*, posesif dan mementingkan diri sendiri. Personaliti warna ini juga menunjukkan seseorang itu mempunyai citarasa yang tinggi, bersifat kebendaan, mahu diiktiraf, dikenali dan perlu untuk diberi perhatian tetapi bimbang tentang kegagalan yang akan dihadapi. Mereka adalah seorang yang kritikal terhadap sesuatu, suka menggunakan kata-kata yang menyakitkan hati dan keras.

Personaliti Biru (Perasaan) pula mewakili ketenangan dan keikhlasan, sensitif dan mudah tersinggung. Personaliti ini tidak panik, boleh mengawal diri dan mempunyai rasa bimbang terhadap kehidupan yang bebas, dan bersedia untuk berkorban dalam beberapa matlamat dalam usaha untuk mencapai cita-citanya itu. Mereka memerlukan suatu perhubungan yang bebas dan stabil daripada konflik. Dalam keadaan tertentu personaliti Biru (Perasaan) ini tidak dapat mengembangkan perhatian keluarga dan kerjaya, kesannya individu yang terlibat akan menderita tanpa disedari oleh orang lain.

Dalam kajian ini, penyelidik ingin mengkaji sejauhmanakah hubungan personaliti warna dengan minat kerjaya Holland. Dapatan kajian Ahmad Jazimin Jusoh (2000) menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti Jingga (Kebebasan) dengan kerjaya Realistik, personaliti Hijau (Pemikiran) dengan minat kerjaya Investigatif, personaliti Biru (Perasaan) dengan minat kerjaya Sosial dan Personaliti Emas (Peraturan) dengan minat kerjaya *Conventional*. Berasaskan dapatan kajian tersebut, penyelidik mengandaikan terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti warna Emas (Peraturan), Hijau (Pemikiran), Biru (Perasaan) dan Jingga (Kebebasan) dengan minat kerjaya Realistik, Investigatif, Artistik, Sosial, *Enterprising* dan *Conventional*. penyelidik melihat personaliti Emas (Peraturan) mempunyai hubungan yang kuat dengan minat kerjaya *Conventional*, personaliti Hijau (Pemikiran) mempunyai hubungan yang kuat dengan minat kerjaya Investigatif, personaliti Biru (Perasaan)